

25/11/1997

MBS sokong Perdana Menteri

KOTA KINABALU, Isnin - Majlis Belia Sabah (MBS) memberi sokongan penuh terhadap usul menyokong kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang dibentangkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Rakyat Rabu lalu.

Kenyataan MBS menyebut Dr Mahathir bukan saja memperlihatkan kecemerlangan sebagai peneraju utama kepimpinan di negara ini, malah turut diakui negara dunia ketiga.

Menurut kenyataan itu, negara sememangnya mengalami perubahan yang amat ketara sejak Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Beliau bukan saja memacu pembangunan negara yang pesat, tetapi juga merangsang pertumbuhan ekonomi yang rancak malah turut mengangkat nama dan martabat Malaysia sehingga disegani di peringkat antarabangsa.

Kalangan negara sedang membangun juga sering ternanti-nanti kehadiran Dr. Mahathir di mana-mana forum antarabangsa kerana beliau dianggap jurucakap yang berkesan mewakili negara sedang membangun dalam menghadapi manipulasi kuasa besar.

Kenyataan itu juga menyebut, bagi mereka tindakan Amerika dan sekelompok ahli kongresnya itu sama ada mahu menunjukkan keangkuhan mereka atau kerana cemburu dengan kejayaan yang dinikmati negara ini.

(END)